



MUHAMMAD Razie Abd. Rahim dan Chui Lai Kuan bersama trofi masing-masing selepas dianugerahkan Olahragawan dan Olahragawati UPM pada majlis Anugerah Sukan UPM 2013 di UPM Serdang, semalam.

Muhammad Razie, Lai Kwan atlet terbaik UPM

SERDANG - Pemain hoki negara, Muhammad Razie Abd. Rahim dan atlet renang, Chui Lai Kwan dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-30, semalam.

Muhammad Razie pelajar jurusan Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia terpilih menerima anugerah tersebut di atas pencapaian cemerlang bersama skuad kebangsaan tahun lalu, termasuk meraih tempat ketiga Kelayakan Olimpik di Dublin, Ireland.

Lai Kwan pelajar tahun keempat jurusan Sarjana Muda Sains dan Teknologi Makanan merupakan atlet paling cemerlang pada Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) tahun lalu apabila meraih 14 emas.

Mereka masing-masing menerima ganjaran RM1,500, piala pusinan, piala iringan dan sijil yang disampaikan Timbalan Naib Canselor UPM Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran.

Dalam pada itu, anugerah Olahragawan Harapan diraih pemain ragbi, Zulkiflee Azmi dan Olahragawati dimenangi atlet karate-do M. Mathivani.

Bagi anugerah Atlet Terbaik Lelaki UPM disandang oleh Mohamad Nazeer Mohamed Nesharah dari pada sukan ragbi dan atlet mempanah, Noor Aziera Taip merangkul anugerah Atlet Terbaik Wanita UPM.

Anugerah Tokoh Sukan UPM pula diberikan kepada Pengetua Sekolah Sukan Bukit Jalil, Datuk Marina Chin atas pencapaian dan penglibatan beliau dalam bidang sukan.

Anugerah Pasukan Cemerlang pula dimenangi oleh pasukan ragbi, anugerah Pengurus Cemerlang diraih oleh Muhammad Al Amin Mustafa bagi sukan bola sepak dan jurulatih bola sepak Mohd. Masran Mat Aris memenangi anugerah Jurulatih Cemerlang.